

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN
BILANGAN 12 TAHUN 2019**


**DASAR UNTUK MENJADIKAN MANA-MANA TANAH KERAJAAN YANG AKAN
DIBERIMILIK YANG TERLETAK DI KAWASAN LUAR RIZAB MELAYU SEBAGAI
KAWASAN RIZAB MELAYU**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Pihak Berkuasa Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke-13 tahun 2019 yang telah bersidang pada 02 Julai 2019 telah menimbang dan meluluskan dasar untuk menjadikan tanah yang berada di luar kawasan Rizab Melayu sebagai kawasan Rizab Melayu sebagaimana berikut :

- 1.1 Mana-mana tanah kerajaan yang berada di luar Rizab Melayu yang hendak diberimilik, tanah tersebut hendaklah dijadikan Rizab Melayu terlebih dahulu atau

- 1.2 Mana-mana tanah yang telah diluluskan pemberimilikan tetapi belum lagi didaftarkan hakmilik hendaklah dibuat akuan berkanun bersetuju tanah tersebut terlebih dahulu diwartakan sebagai Rizab Melayu.

2 Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta dan semua Pentadbir tanah Negeri Kelantan hendaklah mengambil makium dan tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan Pihak Berkuasa Negeri tersebut.



**DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL D.P.S.K. (KELANTAN), K.M.N
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN**

KEPADA :

Yang Amat Berusaha
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA :

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Negeri Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-undang Negeri Kelantan
5. YB. Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YABrs. Pengarah PLANMalaysia@Kelantan (JBPD)
8. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU**

FAIL : PTG.KN.16/12/26
BERTARIKH : 03 MUHARRAM 1441H
03 SEPTEMBER 2019